



**MOHD. Shukri Rejab (kiri) dan Abd. Rahim Jaafar menunjukkan sawah mereka yang kering di Kampung Guar Lobak, Sidam Kanan, Padang Serai, Kedah. - UTUSAN/OTHTMAN YAHAYA**

# Padi rosak akibat bekalan air kurang

Oleh **OTHTMAN YAHAYA**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PADANGSERAI:** Lebih 100 pesawah di Sidam Kanan dekat sini, mengeluh kerana tanaman padi yang diusahakan di sawah seluas kira-kira 50 hektar terjejas disebabkan kekurangan bekalan air berikutan sistem pengairan di kawasan itu tidak berfungsi dengan baik.

Seorang pesawah, Abd. Rahim Jaafar, 63, berkata, mereka kini hanya bergantung kepada air hujan untuk memenuhi petak sawah memandangkan pokok padi yang ditanam mula mengeluarkan buah.

Katanya, ketika ini kawasan sawah tersebut perlu dipenuhi

air bagi mengelak pokok padi tersebut rosak dan mati sehingga mengakibatkan pesawah terpaksa menanggung kerugian.

“Sekarang adalah masa penting untuk proses padi membesar dan berbuah tetapi disebabkan ketiadaan air, banyak pesawah mengeluh kerana padi tidak berisi dan rosak,” katanya di sini.

Harun Mat Jab, 72, pula berkata, sejak menjadi pesawah lebih 50 tahun lalu, musim padi kali ini tidak menguntungkan kerana sistem pengairan yang dikawal selia oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS) tidak berfungsi.

“Pesawah di kawasan Tanjung Belit, Guar Lobak dan Pulau Kemian yang terletak di bawah

Unit Sentosa Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sidam Kanan di sini, tidak menerima air secukupnya daripada sistem pengairan tersebut sejak awal musim,” katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Shukri Rejab, 39, pula berkata, pengeluaran padi musim ini dijangka merosot teruk kerana masalah kekurangan air dan pesawah terpaksa menanggung kerugian.

“Pesawah mencuba pelbagai cara untuk mendapatkan sumber air seperti membina parit baharu dan menggunakan pam air tetapi tetap tidak mampu menampung keperluan air di kawasan sawah itu,” katanya.